

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah tindakan Kementerian dalam menggalakkan kolaborasi seni gaya yang berbeza melalui aktiviti seperti pesta seni terbuka untuk menyatukan dan mengukuhkan khazanah budaya negara serta melibatkan generasi muda untuk menghargai budaya negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa menggalakkan kolaborasi seni gaya yang berbeza sebagai strategi memperkukuhkan usaha penggalakkan, perlindungan, pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah budaya negara, terutamanya kepada generasi muda.
2. Jabatan Kebudayaan dan Keseniaan Negara (JKKN) melaksanakan Program Pelancongan Budaya (*Culture Based Tourism*) yang merupakan program berbentuk penyemarakan seni budaya dengan menyerlahkan pelbagai elemen seni budaya ini di samping membantu dalam penjanaaan ekonomi penduduk tempatan. Antara program JKKN termasuk Pesta Angin Timur, Festival Kesenian Rakyat Kelate, Festival Permainan Malaysia,

Festival Gendang Sarawak, Rhythms Of Kinabalu, Festival Kota Selatan, Festival Seni Hidup dan IFTAR @ KL.

3. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) juga tidak terkecuali dalam melaksanakan transformasi program kolaborasi seni yang sedia ada kepada program melalui dalam talian dalam usaha menyebarkan akses pengetahuan dan pengalaman berkaitan pendidikan seni, budaya dan warisan kepada masyarakat. Sebagai contoh, program '*ASWARA On Air Challenge*' yang bermula dari Mei hingga September 2020 dengan pelaksanaan 100 aktiviti *Online Edutainment*, *Online Competition* dan *Online Festival* telah berjaya mencapai sejumlah 530,000 penonton dan penyertaan.

4. Beberapa program menarik yang telah dilaksanakan termasuklah *Online Festival "ASWARA On Air Challenge"* menampilkan kolaborasi seni berbentuk pesta melalui penganjuran Festival Muzik *Online* (Tradisional dan Muzik Klasik dari Filem), *ASWARA On Air Festival Live Busking* dan *Dance Film Festival (Beyond COVID-19)*.

5. Selain itu, pelaksanaan program seperti Genius Seni Muzik di kalangan remaja juga diadakan untuk mewujudkan kesedaran terhadap kepentingan seni dan budaya. Penularan pandemik COVID-19 telah menjejaskan bilangan persembahan yang dapat dilaksanakan di Istana Budaya (IB) pada tahun ini, namun kepakaran IB dalam bidang koreografi, kejurulatihan dan operasi teknikal pentas masih menjadikan IB kekal relevan sebagai pakar rujuk yang sering berkolaborasi dengan syarikat produksi luar.

6. MOTAC sentiasa mengalu-alukan sebarang cadangan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya bersama-sama dengan Kementerian dalam menyemarakkan apresiasi terhadap khazanah kebudayaan negara ini, terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan jangka masa panjang bagi memperkasakan ekonomi Islam di bawah Jawatankuasa khas Kewangan Islam yang diasaskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan telah memutuskan peranan Jawatankuasa Khas Kewangan Islam (JKKI) diserahkan semula kepada *Malaysia International Islamic Financial Centre* (MIFC) yang diwujudkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sejak tahun 2006 bagi meneruskan usaha mempromosi dan memperkukuhkan kewangan Islam di Malaysia. MIFC akan menumpukan usaha mempromosi serta memperkukuhkan sektor kewangan Islam di Malaysia. Ini bagi memastikan sumber kepakaran dapat dimaksimakan dan penetapan hala tuju dalam memperkasakan sektor kewangan Islam dapat dipusatkan di bawah satu entiti sahaja.

2. Program-program *outreach* seperti karnival kewangan, forum dan persidangan domestik dan antarabangsa dengan sokongan Kementerian Kewangan akan diselaraskan oleh MIFC melalui kerjasama antara Kementerian dan agensi berkaitan yang telah dilantik dalam Jawatankuasa Eksekutif MIFC. Sekian, terima kasih.